

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATIN PADUKA DR. ADHAM BIN BABA  
[ TENGGARA ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan di tangga keberapakah kedudukan negara Malaysia berada dalam indeks Kebahagiaan Dunia yang terkini dan berapakah statistiknya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Tenggara, kedudukan Negara dalam Laporan Kebahagiaan Sedunia 2019 (*World Happiness Report 2019 - WHR 2019*) telah meletakkan Malaysia di kedudukan ke-80 paling bahagia, dengan skor indeks 5.339, daripada 156 negara yang dinilai.

Kedudukan ini menunjukkan penurunan berbanding Laporan Kebahagiaan Sedunia tahun 2018 (*WHR 2018*) di mana Malaysia berada di kedudukan ke-35 paling bahagia, dengan skor indeks 6.322.

Sekian, terima kasih.